

02/08/2002

Dr Mahathir terima kunjungan hormat

reports on "Dialog Antarabangsa Langkawi-Global (LID-Global) 2002" by DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam menerima kunjungan hormat berasingan pemimpin Namibia dan Sudan sejurus tiba di sini untuk menghadiri dialog perkongsian pintar antarabangsa Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002).

Kunjungan hormat pertama dilakukan Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma, dan diikuti Presiden Sudan, Lt Jen Omer Hassan Ahmed Al-Bashir.

Dr Mahathir dan dua pemimpin negara Afrika itu turut mengadakan perbincangan tertutup secara berasingan hingga tengah hari.

Difahamkan, perbincangan itu menyentuh pelbagai perkara dua hala serta isu antarabangsa dengan kepentingan bersama.

Selepas rehat tengah hari, Dr Mahathir yang juga penaung dan tuan rumah LID-Global 2002 menghadiri sesi perbincangan khas yang turut dihadiri ketua negara dan kerajaan serta rakan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Perdana Menteri adalah salah seorang daripada perantara sesi dialog LID-Global2002. Sesi dialog akan bermula esok di khemah dibina khas di Pelangi Beach Resort, Pantai Cenang.

Pelbagai sesi LID-Global 2002 yang menggabungkan LID, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Antara ketua negara dan kerajaan yang menghadiri Global 2002 ialah Presiden Nujoma, Presiden Rwanda Paul Kagame, Presiden Omar Hassan Ahmad Al-Bashir, Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili, Perdana Menteri Mauritius Sir Aneerood Jugnauth dan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe.